



07 JAN, 2023

JKDM tembak kereta dinaiki dua pengedar dadah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM tembak kereta dinaiki dua pengedar dadah

Oleh Vivi Olivia Najurus

LAHAD DATU:
 Sepasukan pegawai penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah terpaksa melepaskan beberapa das tembakan terhadap sebuah kereta di hadapan sebuah kedai di Jalan Silabukan, di sini.

Tembakan terbabit dilepaskan susulan dua lelaki dipercayai pengedar dadah melarikan diri menaiki kenderaan berkenaan.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, sepasukan pegawai JKDM Sabah pada mulanya menahan sebuah kereta jenis sedan selepas dipercayai membawa sejumlah dadah.

Pemandu kereta terbabit bagaimanapun bertindak agresif melarikan diri dan melanggar kenderaan pegawai penguat kuasa JKDM.

Bagi mempertahankan diri, pegawai penguat kuasa terbabit bertindak melepaskan beberapa das tembakan ke bahagian tayar hadapan dan belakang bagi menghentikan kereta suspek.

Suspek bertindak agresif melarikan diri menuju ke arah Kampung Layung menyebabkan pegawai penguat kuasa mengejar kenderaan itu sebelum berjaya ditahan selepas kenderaan suspek masuk ke jalan mati.

Hasil pemeriksaan di dalam kenderaan berkenaan menemukan bungkusan yang mengandungi hablur jernih dipercayai dadah jenis syabu.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu Asisten Komisioner Rohan Shah Ahmad ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

“Kes ini berkaitan operasi JKDM dalam aktiviti membanteras pengedaran dadah.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.

Orang awam yang berada di sekitar tempat kejadian yang menyaksikan kejadian sempat mengambil gambar sebelum tular di media sosial.



07 JAN, 2023

JKDM tembak kereta dinaiki dua pengedardadah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

LAHAD DATU: Sepasukan pegawai penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah terpaksa melepaskan beberapa das tembakan terhadap sebuah kereta di hadapan sebuah kedai di Jalan Silabukan, di sini. Tembakan terbabit dilepaskan susulan dua lelaki dipercayai pengedar dadah melarikan diri menaiki kenderaan berkenaan. Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, sepasukan pegawai JKDM Sabah pada mulanya menahan sebuah kereta jenis sedan selepas dipercayai membawa sejumlah dadah.